

17/10/1997

Asean perlu perspektif baru

PETALING JAYA, Khamis - Kerjasama di kalangan negara Asean wajar disuntik dengan perspektif baru bagi mewujudkan integrasi ekonomi yang lebih kukuh dan besar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun kerjasama ekonomi Asean sudah dilaksanakan sejak 20 tahun lalu, perjalanannya masih amat panjang.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, Asean boleh mengurangkan kesukaran yang wujud jika lebih bersedia menghadapinya, memberi tumpuan menangani masalah yang dihadapi dan komited mencapai matlamat bersama.

Sasaran Asean ialah untuk meraih faedah bersama daripada kekuatan yang dimiliki dan bukannya melindungi kelemahan yang wujud.

"Negara-negara Asean sudah berjuang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kemerdekaan dan kita tidak berupaya menghadapi kehilangan kedaulatan atas nama kebebasan dan membiarkan sempadan ekonomi dan perkara lain dilanggar tanpa batasan.

"Sekurang-kurangnya, kita mesti memastikan bahawa pelanggaran seumpama itu akhirnya akan tertakluk kepada kewujudan yang menguntungkan (Asean)," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29, di sini hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan, apabila Asean menuju ke arah integrasi ekonomi yang lebih besar, forum itu lebih terdedah kepada potensi pertelingkahan sesama anggota dalam melaksanakan inisiatif ekonomi yang dirancang sendiri.

Oleh itu, Asean harus menyelesaikan sebarang pertelingkahan seumpama itu dengan cara yang paling berkesan secepat mungkin.

Beliau berkata, Perjanjian Mengenai Penyelesaian Pertelingkahan dalam Inisiatif Ekonomi Asean yang dimeterai April lalu menyediakan rujukan yang diperlukan bagi menghadapi kemungkinan itu.

Dalam melaksanakan inisiatif integrasi ekonomi serantau yang lebih besar, Perdana Menteri tidak mahu Asean mengabaikan elemen kritikal bagi mengurangkan kos transaksi atau menjalankan perdagangan sesama anggota.

"Kita perlu menilai prosedur pentadbiran dan peraturan yang lebih mudah dan telus di peringkat kebangsaan serta Asean di samping memastikan sebarang peraturan baru yang diperkenalkan mampu mempercepatkan prosedur membuat keputusan dan memberi kelulusan. Kita harus memerangi amalan rasuah sepenuhnya," katanya.

Bagi mengurangkan kos menjalankan perdagangan intra-Asean, Dr Mahathir mahu Asean menilai keberkesanan industri kemudahan asas seperti air, elektrik, gas dan telekomunikasi yang dimiliki di samping memastikan keberkesanan infrastruktur pengangkutan seperti pelabuhan dan lapangan terbang.

Asean juga harus memastikan alam sekitarnya sentiasa bersih dengan mendidik dan menggalakkan masyarakat luar bandar menghapuskan amalan kolot dalam aktiviti ekonomi harian yang mencemarkan alam sekitar.

"Kegagalan berbuat demikian akan merugikan semua dan membantutkan kemajuan kita," katanya.

(END)